

Jenis Akhbar : Utusan Sarawak

Tarikh : 06/12/2023

Edisi / Muka Surat : Sarawak / 15

Tajuk : Kerjasama Dengan ANGKASA Bangunkan Potensi Wanita

Kerjasama dengan ANGKASA bangunkan potensi wanita

ADUM LIU

MIRI: Kerajaan Sarawak akan bekerjasama dengan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) bagi membangunkan potensi dan mendayapayakan wanita dari pelbagai lapisan masyarakat dan dalam semua sektor sebagai agen perubahan kepada masyarakat serta penyumbang kepada pembangunan ekonomi dan sosial negara.

Timbalan Menteri Wanita dan Pembangunan Kanak-kanak Datuk Rosey Yunus berkata, untuk merealisasikan landskap pembangunan yang ideal, kementerian beliau tekad menyediakan persekitaran yang kondusif, termasuk penggubalan dasar dan perundangan mesra wanita, bagi meningkatkan maratabat dan kesejahteraan hidup wanita dalam semua aspek termasuk fizikal, ekonomi, sosial, politik, kesihatan, psikologi dan karohanian.

Katanya, antara strategi yang diambil termasuklah memperkasa pemiagaan koperasi wanita melalui pendedahan kepada



SELAMAT DATANG... Datuk Rosey Yunus ketika tiba ke Majlis Penutupan Bengkel Kepimpinan dan Keusahawanan Koperasi Wanita di salah sebuah hotel di sini, kelmarin.

peluang-peluang pemiagaan, pembangunan din, keluarga dan masyarakat yang dapat meningkatkan pendapatan koperasi dan koperasi wanita yang seterusnya akan menyumbang kepada

pendapatan keluarga dan juga negara.

Pemeriksaan golongan koperator wanita juga bertujuan untuk membantu meningkatkan produktiviti koperasi serta melahirkan

lebih ramai wanita yang berkualiti untuk menjadi usahawan dan pemimpin koperasi, jelasnya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Penutupan Bengkel Kepimpinan dan Keusahawanan

Koperasi Wanita di salah sebuah hotel di sini, kelmarin.

Tambahnya, perangkaan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia menunjukkan terdapat 256 buah koperasi yang fokus kepada golongan wanita, dengan keanggotaan sebanyak 29,455, syer atau yuran sebanyak RM16.98 juta, aset sebanyak RM75.75 juta dan menyumbang perolehan sebanyak RM13.53 juta.

"Saya difahamkan wanita merupakan golongan yang yang sentiasa diberi salah satu keutamaan oleh ANGKASA dalam agenda pembangunannya menerusi program latihan dan pendidikan yang dijalankan.

"Ini bagi memperkasakan kelompok ini supaya terus memberi sumbangan yang signifikan kepada gerakan koperasi dan juga negara," katanya lagi.

Hadir sama ialah Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita ANGKASA Noorizan Abdul Latif dan Ketua Wilayah 7 Koperasi Co-opbank Pertama Eddie Hisyam Nordin serta Ahli Lembaga ANGKASA Prof. Madya Dato' Dr. Abdul Rahman Abdul Razak Shaik.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA